

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rancangan Kementerian bagi membantu pengusaha atau pengendali pusat pelancongan ketika negara sedang memasuki fasa endemik agar mereka dapat beroperasi semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan telah melancarkan beberapa pakej rangsangan ekonomi seperti PEMULIH, PEMERKASA Plus dan PEMERKASA yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi dan memastikan kesinambungan perniagaan sambil mengekalkan pekerjaan, terutamanya rakyat Malaysia. Antara bantuan khas yang diberikan kepada industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:-
  - (i) Bantuan khas *one-off* sebanyak RM3,000 kepada agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) termasuk syarikat-syarikat MM2H yang mempunyai lesen *inbound* di bawah MOTAC;
  - (ii) Bantuan kewangan *one-off* RM500 kepada pemandu pelancong (Semenanjung Malaysia & Sarawak), manakala bantuan kewangan *one-off* sebanyak RM1,000 kepada pemandu pelancong (Sabah);
  - (iii) Bantuan khas *one-off* sebanyak RM600 kepada pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia (MOTAC);
  - (iv) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) berjumlah RM1 bilion yang bertujuan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor pelancongan;
  - (v) Pelanjutan diskaun bil elektrik 10% bermula Oktober hingga Disember 2021 kepada pengusaha hotel, pengendali taman tema, pusat konvensyen, pusat membeli-belah dan pengusaha pelancongan;

## NO. SOALAN : 15

- (vi) Pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan oleh pengusaha hotel sehingga 31 Disember 2021;
- (vii) Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan bulanan oleh syarikat;
- (viii) Sokongan kepada majikan menerusi Program Subsidi Upah iaitu kadar bantuan sebanyak RM600 setiap pekerja selama empat (4) bulan dan terhad sehingga 500 pekerja setiap majikan; dan
- (ix) Bantuan Kewangan Geran Khas Prihatin sebanyak RM1,000 secara *one-off* kepada pengusaha spa dan pusat urutan kaki (PUK).

2. Selain daripada di atas, MOTAC juga telah mewujudkan insentif bagi membantu penggiat industri pelancongan untuk terus mampan walaupun terkesan teruk akibat dari pandemik COVID-19. Insentif yang ditawarkan tersebut adalah melalui pembiayaan kewangan seperti Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP).
3. SIP diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) yang menawarkan skop pembiayaan seperti berikut:

- (i) Pembelian tanah, pembinaan bangunan, mesin dan pelbagai aset yang berkaitan dengan pelancongan;
- (ii) Modal kerja bagi syarikat yang terlibat dalam industri pelancongan; dan
- (iii) Kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf yang berkaitan dengan industri pelancongan.

4. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan oleh SIP adalah bermula dari RM20 juta sehingga RM100 juta atau sehingga 80% daripada jumlah kos projek yang mana lebih rendah. Tempoh permohonan bagi SIP bermula pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2023 atau tertakluk kepada kesediaan dana.

## **NO. SOALAN : 15**

5. TKP pula diuruskan oleh Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank). TKP menawarkan pembiayaan dalam bentuk modal kerja bagi menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor pelancongan supaya kekal berdaya maju semasa dan selepas COVID-19. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan oleh TKP adalah bermula dari RM50,000 sehingga RM500,000. Tempoh permohonan bagi TKP bermula pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 atau tertakluk kepada kesediaan dana.

6. Selain dari bantuan kewangan tersebut, MOTAC juga menyediakan insentif seperti Galakan Cukai kepada syarikat pengendalian pelancongan bagi merancakkan kembali aktiviti pelancongan serta membantu syarikat untuk meneruskan kelangsungan dan meringankan beban ke atas perniagaan pasca COVID-19. Insentif galakan cukai ini telah ditambahbaik dan dilanjutkan untuk tempoh dua (2) tahun lagi iaitu bagi tahun taksiran 2021 sehingga tahun taksiran 2022.

7. MOTAC juga turut menyediakan bantuan bukan kewangan kepada penggiat industri pelancongan yang terjejas berikutan penyebaran COVID-19 seperti berikut:

- (i) Kelonggaran Berkaitan Kompaun;
- (ii) Pengecualian Fi Kepada Pengusaha Pelancongan dan Pemandu Pelancong; dan
- (iii) Kelonggaran Syarat Lesen Kepada Pengusaha Pelancongan.

Sekian, terima kasih.